

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 4 TAHUN 2022**

Tarikh : 20 April 2022 (Rabu)

Masa : 10.00 pagi – 11.30 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN APRIL 2022

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan April 2022 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini

merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang keempat tahun 2022. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar berkongsi tentang Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian) yang telah dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri. Maklumat demografi di dalam RTSJ ini menyatakan bilangan penduduk MBSJ telah meningkat sebanyak 17.55% dalam tempoh 5 tahun menjadikan jumlah penduduk adalah 968,930 orang pada tahun 2020.

Peningkatan terhadap populasi telah mempengaruhi aktiviti ekonomi, sosial dan alam sekitar di kawasan pentadbiran Bandaraya Subang Jaya. Perkembangan pesat pemp bandar di MBSJ turut menyumbang kepada perubahan iklim dan pemanasan global. Oleh itu, pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nation*) telah memperkenalkan Agenda Perbandaran Baru 2030 bagi mencapai Matlamat Perbandaran Mampan yang menggariskan 17 matlamat serta melibatkan semua pihak di peringkat Persekutuan, Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan.

SDG ke 11 memberi fokus kepada kehidupan bandar yang sedang pesat seperti aspek penyediaan perumahan dan infrastruktur yang mencukupi untuk menyokong penduduk yang semakin meningkat serta aspek kesan alam sekitar yang menyebabkan bencana alam.

RTSJ 2035 telah disediakan selaras dengan *New Urban Agenda*, *Sustainable Development Goals*, rancangan Fizikal Negara ke 3, Dasar Perbandaran Negara ke 2 dan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035, Dasar SMART Selangor serta Pelan Strategik MBSJ.

Dalam RTSJ2035 ini, MBSJ telah menetapkan visi untuk menjadikan MBSJ sebagai sebuah bandar mampan yang memberi pilihan dan peluang (*A Sustainable City of Choice and Opportunity*).

Bagi mencapai visi ini, empat strategi utama telah ditetapkan iaitu Tadbir Urus Yang Baik, Pertumbuhan Berterusan, Guna Tanah Bersepadu dan Inklusif.

Tadbir urus bandar yang baik adalah pra-syarat kepada pewujudan bandar yang berdaya huni, selamat dan berdaya saing. Kecekapan perkhidmatan yang disediakan menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang sihat di sesebuah bandar. Ia juga akan memastikan penggunaan sumber di sesebuah bandar digunakan secara optimum dan berkesan, disamping memberi perkhidmatan bandar yang cepat dan efisien.

MBSJ merupakan agensi utama yang bertanggungjawab ke atas perancangan, pembangunan dan pengurusan hendaklah sentiasa berusaha untuk meningkatkan sistem penyampaiannya supaya

selari dengan kehendak komuniti. Selain itu, MBSJ perlu sentiasa mengadakan kerjasama yang berterusan dengan komuniti agar pandangan mereka mudah disampaikan dan dibincangkan untuk kesejahteraan bersama.

Bagi melaksanakan strategi Tadbir Urus Yang Baik ini, terdapat 12 ciri-ciri yang perlu dipegang dan disemai oleh seluruh warga kerja MBSJ.

- ii) Datuk Bandar juga memaklumkan berkenaan MBSJ sebuah Bandaraya yang berdaya tahan. Dunia hari ini berkembang pesat dan menghadapi krisis yang sukar diramalkan dan berpanjangan. Perubahan iklim dan pandemik COVID-19 bukan sahaja mencabar daya tahan bandar tetapi juga mendedahkan keperluan untuk membentuk semula ruang bandar.

Kadar pembandaran di Malaysia dijangka akan meningkat sehingga 85% pada tahun 2040 dengan populasi penduduknya mencecah 46 juta. Perkembangan pembangunan pembandaran dan perubahan iklim yang melampau serta pencemaran alam sekitar turut menyumbang kepada berlakunya peningkatan kejadian bencana alam.

Daya tahan bandar atau *Resilience City* merujuk kepada kemampuan sesebuah bandar untuk menyerap, memulih dan bersedia untuk menghadapi keadaan atau krisis di luar jangkaan

daripada segi ekonomi, alam sekitar, sosial dan tadbir urus. Daya tahan bandar amat penting dalam usaha untuk menjadikan sesebuah bandar membangun dengan lebih mampan, sejahtera dan inklusif.

MBSJ juga tidak terkecuali dan sentiasa berusaha bagi menjadikan Bandaraya Subang Jaya berdaya tahan serta memastikan keseimbangan dalam aspek ekonomi, alam sekitar, keseimbangan sosial dan *good governance* demi menjamin kesejahteraan rakyat di kawasan pentadbiran Majlis.

Kejadian banjir besar, angin kencang yang mengakibatkan pokok tumbang dan kerugian kepada harta benda memberi kesan bukan sahaja kepada orang awam bahkan terhadap pihak MBSJ juga. MBSJ telah membelanjakan RM 684 ribu bagi kerja-kerja pembersihan melibatkan perkhidmatan lori kutipan sampah banjir dan sewaan mesin jengkaut. MBSJ juga telah menyenaraikan projek-projek pembaikan infrastruktur yang dianggarkan sebanyak RM 2.6 juta.

Isu alam sekitar juga merupakan isu yang sering dibahaskan di semua peringkat sejak sekian lama. Peningkatan jumlah populasi dunia serta skala eksploitasi alam bagi tujuan ekonomi dan keperluan makanan yang semakin meluas, menyebabkan agenda global untuk memperkukuhkan pelaksanaan konsep *sustainable*

development atau pembangunan lestari menjadi semakin penting dan mendesak.

Pemanasan global yang disebabkan oleh peningkatan pelepasan gas rumah hijau (GHG) juga telah menyebabkan perubahan iklim yang memberikan ancaman kepada ekosistem. Aktiviti pembangunan dan tindakan yang tidak lestari akan memburukkan lagi kejadian bencana alam seperti tanah runtuh dan berlakunya banjir di sesuatu kawasan.

Sehubungan itu, MBSJ memandang serius perkara ini dan akan memastikan aspek kawalan pembangunan seperti yang telah digariskan dalam Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 dipatuhi bagi memastikan pembangunan yang seimbang di antara keperluan ekonomi dan alam sekitar.

MBSJ turut komited ke arah menjadikan Subang Jaya sebuah Bandaraya Hijau dan dalam masa yang sama dapat memenuhi keperluan dan permintaan perkhidmatan pempandaran yang turut berkembang.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan di peringkat MBSJ termasuk melaksanakan Pembangunan Sistem Inventori Gas Rumah Hijau dan Pelan Tindakan Perubahan Iklim Bandaraya Subang Jaya. Usaha ini selari dengan komitmen Kerajaan Persekutuan kepada UNFCCC (*United Nations Framework Convention on Climate*

Change) di persidangan COP26 UK bagi pengurangan 45% intensiti karbon daripada KDNK pada tahun 2030 dan *Carbon Neutral* pada tahun 2050.

Di samping itu juga MBSJ telah menyediakan Pelan Tindakan Hijau, pelaksanaan *Low Carbon City*, program penanaman pokok, pengasingan sisa kawasan perumahan serta pengkomposan. Pada tahun 2021, sebanyak 185 tong kompos telah diedarkan kepada penduduk dan 26 tong kepada kebun komuniti bagi menggalakkan aktiviti pengkomposan sisa organik. Pada tahun ini MBSJ akan mengedarkan 325 tong kompos dan pembelian dibuat menggunakan dana kutipan caj beg plastik berjumlah RM39,855.00.

Selain itu, pelaksanaan program *waste-wise* yang dibuat juga turut menyokong kepada inisiatif *Circular Economy*. Penambahbaikan pengurusan sisa seperti aktiviti pengasingan dari punca, memperkenalkan konsep 5R (*Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Recycle*) dan *upcycling* iaitu menggunakan bahan terbuang untuk dijadikan sesuatu yang berharga. Sehingga Mac 2022, sebanyak 19,898 tan barang kitar semula telah diasing melibatkan sekolah, MPP, NGO dan pengusaha barang lusuh.

Dalam konteks ini, Majlis perlu melihat amalan dan pembangunan Pusat Kitar Semula / *upcycling* di PBT lain seperti di Petaling Jaya bagi memperkukuhkan inisiatif *Circular Economy* di Subang Jaya.

MBSJ juga sentiasa memantau segala usaha yang dilaksanakan dan pencapaian bagi Pelan Tindakan Khas 'Subang Jaya Smart Vibrant City' meliputi 6 aspek utama telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang iaitu Bandar Hijau mencapai 96.69%, Bandar Selamat 95.06%, Bandar Sihat 96.06%, Bandar Sejahtera 99.34%, Bandar Pintar 98.09% serta Bandar Makmur 100%.

Walaupun mendepani situasi perubahan iklim serta transisi endemik yang masih tidak menentu, MBSJ yakin mampu menghadapinya selagi berpegang kepada semangat kebersamaan (*common ground*), keterangkuman (*inclusivity*) dan kesyukuran (*contentment*).

MBSJ perlu cepat beradaptasi terhadap kesan daripada perubahan iklim dan Covid 19 agar dapat melakukan penambahbaikan. Hanya dengan cara tersebut kita lebih bersedia untuk menghadapi apa juga kemungkinan di masa akan datang.

- iii) Seterusnya beliau memaklumkan mengenai perkhidmatan kutipan sampah pukal sempena Hari Raya Aidilfitri. MBSJ melalui KDEB Waste Management Sdn.Bhd menawarkan perkhidmatan kutipan sampah pukal khusus untuk penduduk yang merayakan sambutan Aidilfitri di kawasan perumahan teres / '*landed property*' yang berada dalam kawasan pentadbiran Majlis.

Perkhidmatan ini adalah untuk kutipan sampah pukal yang terdiri daripada tilam, perabot dan seumpamanya. Namun demikian, perkhidmatan ini tidak termasuk sampah ubah suai rumah, pindah rumah serta barangan kitar semula.

Penduduk boleh membuat permohonan terus kepada KDEB Waste Management Sdn. Bhd. melalui talian telefon 03-8081 4437 atau aplikasi whatsapp 011-3558 4437. Tarikh permohonan bermula 18 hingga 25 April 2022 dan kutipan akan dibuat pada 19 hingga 30 April 2022.

- iv) Pemakluman juga turut dibuat berkenaan kesiapsiagaan MBSJ dalam menghadapi perubahan monsun yang berlaku. Data daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) menunjukkan Negara kini berada pada Fasa Peralihan Monsun yang telah bermula pada 14 Mac 2022 dan dijangka berterusan sehingga pertengahan bulan Mei 2022.

Ketika Fasa Peralihan Monsun ini, Negara akan menerima tiupan angin lemah dari pelbagai arah yang akan menyebabkan kejadian ribut petir yang lazimnya membawa hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka masa singkat pada waktu petang dan awal malam.

Monsun Barat Daya pula dijangka bermula Mei 2022 sehingga September 2022 yang akan menyebabkan kawasan mengalami

lebih banyak hari tanpa hujan sehingga menyebabkan cuaca lebih kering.

Model iklim antarabangsa menunjukkan keadaan terkini ENSO adalah La-Nina lemah sedang berlaku dan dijangka berterusan sehingga Mei 2022. Taburan hujan dijangka pada paras purata di Negeri Selangor bagi tempoh 6 bulan akan datang.

Sehubungan dengan itu, MBSJ telah meningkatkan tahap siap siaga dalam menghadapi fasa perubahan monsun seperti berikut:

- Talian Pusat Kawalan MBSJ (Command Centre) beroperasi pada setiap hari dari jam 8.00 pagi hingga 10.30 malam termasuk hari minggu dan cuti umum bagi menerima sebarang maklumat dan panggilan berkaitan kecemasan dan bencana;
- Meletakkan Pasukan Pantas di dalam keadaan siap siaga pada sebilang masa termasuk aset-aset bantuan kecemasan dan bencana;
- Memastikan sistem saliran terutamanya di kawasan *hot spot* banjir diselenggara dan berfungsi dengan baik; dan
- Memastikan jaringan komunikasi dengan wakil penduduk di kawasan *hot spot* bencana dikemaskini bagi memudahkan penyaluran amaran awal bencana kepada komuniti bagi mengurangkan tahap risiko kerosakan harta benda sekiranya bencana berlaku.

- v) Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Demam denggi merupakan penyakit berjangkit disebabkan oleh virus denggi yang dibawa oleh nyamuk aedes. Penyakit ini boleh membawa maut dan sehingga kini tiada rawatan khusus digunakan untuk merawat pesakit demam denggi.

Sehingga Minggu Epid 14 iaitu sehingga 9 April 2022 terdapat sebanyak 751 kes denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ. Terdapat 4 lokaliti hotspot denggi di kawasan pentadbiran MBSJ iaitu di lokasi berikut:

- SS19/1 (dengan 16 kes dilaporkan dalam tempoh 43 hari);
- USJ 19 (*Starville*) (dengan 6 kes dilaporkan dalam tempoh 32 hari);
- USJ 2/5 (dengan 29 kes dilaporkan dalam tempoh 81 hari); dan
- Taman Pinggiran USJ 1 (dengan 15 kes dilaporkan dalam tempoh 37 hari).

Hasil pemantauan di lokaliti-lokaliti kes demam denggi mendapati banyak tempat pembiakan ditemui di lorong-lorong belakang. Susulan daripada itu, satu operasi khas pemeriksaan lorong belakang telah dijalankan pada 14 April 2022 bertempat di USJ 2/5 yang merupakan lokaliti *hotspot* denggi paling lama dengan 29 kes demam denggi dilaporkan dalam tempoh 81 hari.

Operasi khas turut disertai oleh Pejabat Kesihatan Daerah Petaling, penduduk setempat dan beberapa Jabatan Dalaman

MBSJ yang terdiri daripada Jabatan Kesihatan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, Jabatan Landskap, Jabatan Bangunan dan Jabatan Penguatkuasaan.

- vi) Datuk Bandar juga membuat pemakluman berkaitan kes rabies di kawasan pentadbiran Majlis. Penyakit rabies merupakan sejenis penyakit yang disebabkan oleh jangkitan *Lyssavirus* daripada haiwan seperti anjing yang dijangkiti rabies. Rabies berjangkit melalui luka gigitan, luka terbuka pada kulit daripada air liur, cairan atau tisu tubuh haiwan tersebut kepada manusia.

Masa inkubasi rabies adalah 3 minggu hingga 2 bulan daripada gigitan haiwan sehingga timbul gejala. Individu yang dijangkiti rabies akan mengalami tanda klinikal seperti demam, sakit badan dan kepala, hidrofobia, lumpuh dan koma. Rabies adalah satu penyakit yang menyebabkan kematian 100% jika tanda-tanda penyakit telah timbul.

Satu kes penyakit rabies telah dilaporkan baru-baru ini di SK 6/1, Taman Bukit Serdang. Kes kematian ini melibatkan seorang lelaki berbangsa Cina berusia 39 tahun yang meninggal dunia pada 10 Mac 2022.

Penangkapan anjing terbiar di sekitar kawasan kes telah mula dilaksanakan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan

spesimen telah dihantar ke makmal Institut Penyelidikan Veterinar untuk kajian.

Pejabat Kesihatan Daerah Petaling juga telah menjalankan *Active Case Detection* (ACD) dalam lingkungan 1 kilometer radius dari rumah kes. Kakitangan MBSJ yang terlibat dengan penangkapan anjing akan menerima suntikan vaksin rabies dalam masa terdekat. Hebahan mengenai penyakit rabies juga telah mula dibuat oleh pihak MBSJ.

Sehingga bulan Mac 2022 Jabatan Kesihatan MBSJ menerima sebanyak 552 aduan kacau ganggu haiwan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 422 adalah aduan anjing melibatkan 323 anjing terbiar dan 99 anjing peliharaan.

Sebanyak 778 anjing peliharaan juga telah dilesenkan sehingga bulan Mac 2022. Masyarakat dinasihatkan berhati-hati dan lebih berwaspada apabila berdepan dengan anjing terutama anjing-anjing terbiar.

- vii) Datuk Bandar turut mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor di atas pengumuman berkaitan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Sempena Hari Raya Aidilfitri 1443H Tahun 2022 iaitu Insentif Rahmah Ramadan sebanyak satu bulan gaji atau minimum RM1,000.00 kepada semua pegawai yang berkhidmat di bawah Pentadbiran

Kerajaan Negeri Selangor melalui ucapan di Majlis Rapat Rahmah Ramadan Bersama Penjawat Awam Negeri Selangor pada 8 April 2022 yang lalu.

Warga MBSJ mengucapkan terima kasih dan amat bersyukur atas pemberian tersebut yang dianggap sebagai hadiah istimewa menjelang sambutan Aidilfitri. MBSJ juga berbesar hati mengumumkan berita gembira bahawa pemberian bantuan BKK turut akan diberikan kepada Pembantu Ahli Majlis sebanyak RM 1,000.00.

Bagi pemberian Bantuan Khas Kewangan, MBSJ telah memperuntukkan sebanyak RM 4.08 juta bagi bayaran kepada semua warga kerja MBSJ termasuk Ahli Majlis dan Pembantu Ahli Majlis.

- viii) Datuk Bandar mewakili seluruh warga MBSJ mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri 1443H dan Maaf Zahir Batin kepada seluruh penduduk di kawasan pentadbiran Majlis. Dalam keseronokan meraikan perayaan namun jangan alpa dan lupa serta perlu sentiasa mengamalkan langkah-langkah penjagaan kebersihan dan keselamatan diri sendiri dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 3/2022

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2022 bertarikh 23 Mac 2022 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 3/2022

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2022 bertarikh 23 Mac 2022 (Rabu) disahkan dengan makluman berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.0 & m/s 1	Encik Yap Kok Weng	Sesi <i>Town Hall</i>	Beliau memaklumkan bahawa sesi <i>town hall meeting</i> bersama penduduk di kawasan perumahan TK 5 tidak dilaksanakan dan akan digantikan dengan satu sidang media bagi memberi penerangan kepada penduduk berkenaan penyuraian trafik di kawasan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat mengambil maklum berkenaan perkara tersebut. Makluman

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 5/2022 bertarikh 16 Mac 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 6/2022 bertarikh 29 Mac 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 2/2022 bertarikh 8 April 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 5/2022 bertarikh 11 April 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 2.1 & m/s 2	Encik Yap Kok Weng	Cadangan rekabentuk persimpangan bertingkat di Persiaran Kewajipan dengan Persiaran	Beliau memaklumkan bahawa, mesyuarat telah membuat keputusan dengan memilih cadangan ketiga iaitu membina <i>flyover</i> menerusi persimpangan ke-2 Persiaran Subang Permai ke Persiaran Kewajipan dan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			<p>Subang Permai, Subang Jaya Oleh : SABA Consultant Sdn. Bhd.</p>	<p>Persiaran Murni (3 lane). Walau bagaimanapun, nilai kos yang dicadangkan tidak dicatatkan dalam minit mesyuarat. Beliau memohon supaya nilai kos yang dicadangkan sebanyak RM 35 juta dicatatkan dalam minit mesyuarat.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta supaya Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam membuat pindaan terhadap minit mesyuarat dengan mencatatkan nilai kos terhadap projek tersebut.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
2.	Para 2.2 & m/s 4	Encik Yap Kok Weng	Cadangan rekabentuk jalan sambung yang menghubungkan jalan dari Jalan Bandar Puchong Jaya ke Jalan Tiong, Bandar Puchong Jaya Oleh : Khairi Consult Sdn. Bhd.	Beliau meminta nilai kos projek dicatatkan dalam minit mesyuarat. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat meminta supaya Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam membuat pindaan terhadap minit mesyuarat dengan mencatatkan nilai kos terhadap projek tersebut. Tindakan : Jabatan Kejuruteraan
3.	Para 2.3 & m/s 5	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	Laporan cerun di kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya Oleh : Unit Cerun Jabatan Kejuruteraan	Beliau memohon supaya senarai lengkap cerun di kawasan pentadbiran Majlis diedarkan kepada semua Ahli Majlis bagi memudahkan urusan mengenalpasti cerun di kawasan MPP masing-

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>masing.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta supaya Jabatan Kejuruteraan mengedarkan senarai lengkap cerun kepada semua Ahli Majlis untuk makluman.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>
4.	Para 2.3 (v) & m/s 5	Encik Teh Eng Teck	Laporan cerun di kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya - Jalan BS5/26, Taman Bukit Serdang	<p>Beliau memohon penjelasan berkenaan status terhadap kegagalan pada struktur dan tekanan hidrostatik yang tinggi di Jalan BS5/26, Taman Bukit Serdang.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa cerun tersebut adalah di bawah</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>tanggungjawab pemaju. Cerun tersebut telah runtuh sebelum ini dan pihak Majlis telah memaklumkan kepada pihak pemaju bersebelahan supaya membina cerun tersebut apabila mereka menghantar pelan untuk pembangunan di kawasan tersebut.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>
5.	Para 4.11 & m/s 10	Encik Yap Kok Weng	Perkara-perkara Berbangkit	<p>Beliau memohon penjelasan berkenaan status terkini berhubung isu projek daripada pemaju Liberty Wonder Sdn. Bhd. kerana terdapat bantahan penduduk terhadap projek tersebut.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa Majlis telah</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>meluluskan permohonan pemaju Liberty Wonder Sdn. Bhd. bagi projek membina 107 unit tempat letak kereta bagi tujuan kegunaan penduduk Pangsapuri Intan di atas tanah lapang awam seluas 0.69 ekar (70%) dan selebihnya 0.3 ekar (30%) dikekalkan sebagai tanah lapang awam.</p> <p>Penyediaan tempat letak kereta ini adalah salah satu jalan penyelesaian ke atas sebahagian tanah projek terbengkalai Pangsapuri Intan tersebut.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 3/2022 bertarikh 11 April 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 3.1 & m/s 2	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Taklimat laporan statistik gelandangan dan kes jenayah kanak-kanak dan pesalah muda di kawasan pentadbiran Subang Jaya oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat	Beliau memohon supaya data berkaitan gelandangan dan kes jenayah kanak-kanak serta pesalah muda di kawasan pentadbiran Subang Jaya dapat dikongsikan dengan semua Ahli Majlis. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat meminta supaya Jabatan Pembangunan Masyarakat memberikan data berkenaan kepada semua Ahli Majlis. Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
2.	Para 9.1(i) & m/s 20	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Perpustakaan MBSJ	<p>Beliau mencadangkan supaya MBSJ membuka perpustakaan di pusat membeli belah yang berada di dalam kawasan pentadbiran Majlis.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa MBSJ sedang dalam cadangan mewujudkan satu perpustakaan dengan konsep dan rekabentuk baharu di Bandar Puteri, Puchong. Kertas cadangan sedang diteliti dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan. Walau bagaimanapun, mesyuarat mengambil maklum dan akan mengkaji cadangan mewujudkan perpustakaan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				di pusat membeli belah bagi keperluan di masa akan datang. Makluman
3.	Para 9.1(i) & m/s 20	Encik Wong Yii Seang	Perpustakaan MBSJ	Beliau mencadangkan supaya MBSJ mengadakan lawatan penandaarasan di beberapa lokasi perpustakaan seperti di <i>Digital Library</i> di Pulau Pinang bagi mendapatkan idea dan amalan terbaik yang boleh diadaptasi. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat mengambil maklum dengan cadangan tersebut. Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
4.	Para 9.1(iii) & m/s 22	Encik Yap Kok Weng	Lokasi pelancongan di Hutan Ayer Hitam Puchong	<p>Beliau meminta penjelasan berkenaan pelaksanaan projek pelancongan di Hutan Simpan Ayer Hitam Puchong yang akan dibuat secara CSR dengan pihak UPM.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa MBSJ telah mengadakan projek CSR bersama pihak UPM bagi projek pelancongan di Hutan Simpan Air Hitam Puchong. Projek ini dalam proses pemetaan laluan trek bersama pihak UPM bagi tujuan mewujudkan lokasi riadah dan produk pelancongan di kawasan MBSJ.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil.4/2022 bertarikh 12 April 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 4.0 & m/s 3	Encik Yap Kok Weng	Laporan perbelanjaan dan kutipan sehingga bulan Mac 2022	<p>Beliau memaklumkan bahawa bermula April 2022, MBSJ telah melaksanakan bayaran parkir secara digital. Oleh itu beliau mencadangkan supaya laporan berkenaan hasil kutipan parkir digital dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan akan datang.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta supaya cadangan tersebut dilaksanakan.</p> <p>Tindakan :</p> <p>Jabatan Perbendaharaan</p>

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 3/2022 bertarikh 13 April 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.3 & m/s 9	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Laporan Jabatan Pengurusan Alam Sekitar bagi bulan Mac 2022	Beliau mencadangkan supaya semua beg plastik sampah yang berwarna hijau atau kuning diangkat pada hari yang sama atau secepat mungkin oleh kontraktor. Ini bagi mengelakkan penduduk meletakkan sampah mereka di lokasi beg plastik yang tidak diangkat. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut kerana melibatkan imej Majlis. Jabatan perlu memberi amaran tegas kepada

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>kontraktor supaya memastikan kutipan beg plastik dilaksanakan dengan segera.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</p>
2.	Para 6.1 & m/s 10	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Cadangan kempen kebersihan kawasan perumahan Majlis Bandaraya Subang Jaya	<p>Beliau meminta supaya diserahkan senarai penuh lokasi yang terlibat bagi kempen ini kerana tidak dinyatakan dalam minit mesyuarat.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta supaya senarai lokasi yang terlibat dengan kempen ini diserahkan kepada semua Ahli Majlis untuk makluman dan tindakan lanjut.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
3.	Para 7.3 & m/s 15	Encik Yap Kok Weng	Masalah anjing liar	<p>Beliau memohon penjelasan berkenaan perkara berikut :</p> <p>i) Sejak terdapat kes kematian berpunca daripada penyakit rabies, Jabatan Kesihatan telah menghentikan tangkapan anjing liar kerana perlu memberikan suntikan vaksin rabies kepada kakitangan Kesihatan MBSJ. Oleh itu, beliau memohon penjelasan berkenaan status pemberian vaksin tersebut dan status penangkapan anjing liar memandangkan kes masalah anjing liar kerap diadakan oleh penduduk;</p> <p>ii) Inginkan penjelasan berkenaan situasi kes denggi yang semakin meningkat di kawasan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>MBSJ.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa :</p> <p>i) Dos pertama suntikan vaksin rabies telah diberikan kepada 21 orang kakitangan Jabatan Kesihatan dan setiap kakitangan perlu melengkapkan 3 dos suntikan. Buat sementara waktu, bagi penangkapan anjing liar MBSJ menggunakan kaedah pemasangan perangkap serta dalam proses perbincangan dengan syarikat swasta berkenaan tangkapan anjing liar.</p> <p>ii) Kes demam denggi menunjukkan peningkatan yang ketara di seluruh</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>negara termasuk di kawasan pentadbiran Majlis. MBSJ mengambil tindakan proaktif dengan mengenalpasti kawasan berisiko dan akan mengadakan mesyuarat khas terhadap kawasan yang bermasalah yang menunjukkan peningkatan kes yang ketara.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 4/2022 bertarikh 14 April 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 4.1 & m/s 3	Encik Yap Kok Weng	Laporan bulanan polis Daerah Subang Jaya	Beliau meminta supaya diminitkan pembentangan berkaitan laporan bulanan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Polis Daerah Subang Jaya untuk makluman semua Ahli Majlis.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta urusan setia Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan membuat penambahbaikan terhadap minit mesyuarat.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>

6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 3/2022 bertarikh 15 April 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

7.1 Kertas Makluman Pembentangan Draf Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

(Kertas Mesyuarat Bil. 5/4/2022)

Kertas makluman ini telah disediakan oleh Jabatan Perbendaharaan dan dibentangkan oleh Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, Pengarah Perbendaharaan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima Pembentangan Draf Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021.

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Puan Lee Jen Uyin, wakil daripada Parti DAP.

9.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Tarikh Disediakan : 22 April 2022

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

(DATO' JOHARY BIN ANUAR), D.P.M.S

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR DI PEJABAT

- | | | |
|----|--|---------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Johary bin Anuar, D.P.M.S.
Datuk Bandar | - Pengerusi |
| 2. | YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timbalan Datuk Bandar | - Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | YBrs. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan | - Timbalan
Setiausaha |

HADIR (AHLI MAJLIS) DI PEJABAT

- | | | |
|----|--|---------------|
| 1. | Encik Yap Kok Weng | - Ahli Majlis |
| 2. | Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim | - " |
| 3. | Encik Chia Yew Ken | - " |
| 4. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - " |
| 5. | Encik Thomas Low Yew Sin | - " |
| 6. | Encik Thamilarusu a/l Sandayan | - " |
| 7. | Encik Wong Yii Seang | - " |
| 8. | Puan Lee Jen Uyin | - " |
| 9. | Puan Ng Seow Chen | - " |

10.	Encik Thong Kim Fatt	-	"
11.	Encik Teh Eng Teck	-	"
12.	Encik Mohd Fitri bin Jamaludin	-	"
13.	Puan Aniza binti Jamaludin	-	"
14.	Encik Mohamad Syafiq bin Mohamad Norizan	-	"
15.	Cik Syafiqa binti Zakaria	-	"
16.	Encik Jestin Raj Savarimuthu	-	"
17.	Encik Muhammad fauzan bin Rosli	-	"
18.	Encik Mohamad Kamil bin Harun	-	"
19.	Encik Jaafar bin Mat Akid	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MBSJ)

1. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
2. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
3. TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

5. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
6. Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
7. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
8. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
9. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pengarah, Jabatan Pelesenan
10. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
11. Ts Azura Binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
12. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, K.M.N , P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam
14. Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
15. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
16. Encik Farid bin Ibrahim
Pengarah, Jabatan OSC
17. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB

18. Puan Azlina Binti Mat Salim
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap
19. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
20. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
21. Encik Mohamad Asmadi bin Nor Hatim
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | | | |
|----|------------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 3. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | " |
| 4. | Encik Muhammad Khairil bin Khalid | - | " |
| 5. | Encik Kenneth Sam a/l Saminathan | - | " |

URUSETIA

1. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan